

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : KOMENTAR

# Rokok penyebab 'senyap' kerosakan mata, kebutaan



Pakar Oftalmologi merangkap Aktivis Ikatan Pengamal Perubatan & Kesihatan Muslim Malaysia (I-Medik)

Oleh Dr Syamil Salmi  
bhrencana@bh.com.my

Pada 27 Julai lalu, Rang Undang-Undang (RUU) Generasi Penamat (Generational Endgame; GEG) dibentangkan di Parlimen oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

RUU ini diusul bermatlamat mengawal individu yang lahir dari 2007 dan selepasnya daripada terbabit dalam aktiviti merokok sama ada membeli, memiliki atau menggunakan rokok atau vape.

Dewan Rakyat bersetuju RUU ini dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas (JPK) bagi memperhalusi dan menambah baik usul terkandung di dalamnya. Kementerian Kesihatan (KKM) dilihat men-

dapat tekanan, termasuk daripada kalangan Ahli Parlimen sendiri dalam usahanya meluluskan RUU ini. Hakikatnya, merokok diketahui boleh menjadi penyebab penyakit kepada manusia antaranya buta.

Dalam aspek kesihatan penglihatan, rokok antara punca mata boleh menjadi buta. Penglihatan manusia berisiko untuk hilang disebabkan pelbagai penyakit mata berpunca daripada amalan merokok. Kesan kepada tahap penglihatan akibat merokok ini menjadi cabaran kepada pakar mata untuk memberi rawatan kerana ia menjadi bertambah rumit dan kompleks. Kos merawat penyakit ini juga menelan belanja besar, sedangkan ia boleh dicegah daripada awal.

Bancian Mata Kebangsaan Ke-2 (2014) menyatakan kadar kebutaan dalam kalangan masyarakat berusia 50 tahun ke atas di Malaysia adalah 1.2 peratus. Majoriti kes buta ini disebabkan katarak (58 peratus), diikuti Diabetik Retinopati (10 peratus) dan lain-lain penyakit.

Rokok menjadi antara faktor menyumbang se-

cara langsung atau tidak langsung kepada penyakit mata ini. Di samping itu, perokok berisiko mengalami strok mata (*ocular ischemia*), kemerosotan makula (*Age-related Macula Degeneration*) dan penyakit tiroid mata (*Graves Ophthalmopathy*).

## Tingkat risiko glaukoma, kanser mata

Terdapat laporan kes yang mana rokok berisiko menjeruskan seseorang itu menghidap penyakit glaukoma, kanser mata, juling, serta 'mata malas'. Kanta pada mata manusia boleh terdedah kepada kesan oksidatif berpunca daripada merokok, yang mana mana fungsi kanta menyahkan bahan oksidatif berkurangan lalu menyebabkan perokok mengalami penyakit katarak.

Bahan logam berat dalam rokok seperti kadmium, plumbum dan kuprum juga boleh terdamp di dalam kanta dan merubah ia menjadi struktur toksik.

Merokok juga boleh menyebabkan sel darah menjadi lebih pekat, menyebabkan pembuluh darah berisiko tersumbat. Hal ini dirumitkan lagi dengan kesan bahan kandungan nikotin di dalam rokok yang boleh mengecutkan saluran darah lantas merencatkan pengaliran darah ke mata.

Kepekatan karbon monoksida dalam darah juga turut mengurangkan kapasiti sel darah merah membawa oksigen ke mata. Pembuluh darah juga lebih mudah rosak dan menjadi keras (*atherosclerosis*) jika seorang perokok turut menghidapi penyakit kolesterol.

Faktor ini seterusnya menyumbang kepada keadaan mata 'hipoksia' lalu strok boleh terjadi pada urat saraf mata (*ischemic optic neuropathy*) dan juga salur darah mata (*retinal vascular occlusion*).

Masalah aliran pada salur darah koroid (*choroidal vessel*), ditambah pula dengan kehadiran bahan oksidatif akibat merokok turut menjejaskan fungsi pusat peka cahaya pada mata, iaitu makula. Makula boleh merosot, terutama pada mereka yang

agak berusia, lantas pesakit berisiko untuk buta.

Keadaan ini dipanggil *Age-related Macula Degeneration* yang mana kos rawatan menjadi tinggi kerana pesakit perlu menerima ubat suntikan mata yang mahal harganya.

Bagi mereka menghidap penyakit tiroid mata, merokok boleh menjadikan keadaan bertambah parah serta merencatkan kadar pemulihan serta membatalkan rawatan diberi. Ini berikutan perubahan terhadap hormon tiroid yang terjejas secara langsung akibat bahan kandungan dalam rokok, menyebabkan keradangan dan kecederaan kepada otot mata. Jika keadaan ini berterusan, penghidap penyakit ini berisiko mengalami kerosakan pada urat saraf mata, glaukoma, serta ulser pada kornea.

Semua penyakit ini mampu menjejaskan tahap ketajaman penglihatan seseorang, lantas menghadkan jarak penglihatan mereka atau lebih teruk menyebabkan mata menjadi buta.

Kesan jangka panjang dari sudut ekonomi dan pembangunan bakal ditanggung oleh negara jika perkara ini dibiarkan tanpa ada kaedah pencegahan tuntas, iaitu menghindari bahaya rokok.

Justeru, semua pihak daripada peringkat akar umbi hingga ke pucuk pimpinan kerajaan perlu

memainkan peranan serta berganding bahu bagi memastikan RUU ini diluluskan.

Kita berharap generasi hari ini serta akan datang dapat berfungsi secara optimum dan menyumbang kemahiran mereka di samping dapat menjalani kehidupan seharian dengan lebih terurus dengan adanya tahap penglihatan yang baik.





AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

# KKM lulus 4,053 jawatan tetap

Kementerian mula penambahan perjawatan tahun ini selepas syor diterima Kabinet

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 4,053 permohonan membabitkan perjawatan tetap sebagai pegawai perubatan, pergigian dan farmasi diluluskan semalam, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, itu jumlah penambahan jawatan tetap tertinggi pernah direkodkan sejak 2016.

"Kita membuat cadangan dan diterima Kabinet supaya penambahan jawatan tetap dimulakan pada tahun ini dan Kementerian Kesihatan (KKM) menerima 8,672 permohonan.

"Daripada jumlah itu, 8,052 calon hadir untuk temu duga. Calon yang diluluskan tetap 3,215



Khairy dan Dr Noor Azmi bersama kakitangan kesihatan bergambar selepas Persidangan Kemuncak Dasar Kesihatan 2022 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Rohanis Shukri/BH)

untuk pegawai perubatan, 438 bagi pegawai pergigian dan 400 pegawai farmasi," katanya kepada media selepas Persidangan Kemuncak Dasar Kesihatan 2022, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

Media sebelum ini melaporkan 8,686 jawatan tetap tambahan

membabitkan pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi akan diwujudkan di KKM sepanjang tempoh 2022 hingga 2025.

#### Jaminan buat pegawai gagal

Khairy berkata, sekurang-kurangnya 1,500 jawatan tetap setiap tahun ditawarkan kepada pegawai kontrak sejak dasar pe-

ngambilan secara kontrak dimulakan enam tahun lalu.

"Kita akan tentukan dasar nanti selepas bincang dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sama ada mereka yang tidak berjaya boleh memohon semula atau tidak pada tahun depan.

"Pandangan saya, eloklah untuk mereka dibenarkan berbuat

demikian, namun kita akan berbincang dari segi peraturan dengan SPA," katanya.

Mengulas kekecewaan pegawai perubatan yang gagal mendapat tempat, beliau berkata, pihaknya memberi jaminan akan memastikan mereka mendapat laluan kerjaya, insentif dan peluang untuk menyambung latihan peringkat kepakaran.

## Pembangunan Kertas Putih Kesihatan

# Syor wujud fasiliti kesihatan holistik

**Kuala Lumpur:** Mewujudkan fasiliti kesihatan yang dapat diakses dengan mudah, cepat dan menyeluruh menerusi gabungan teknologi untuk segenap rakyat, antara tumpuan yang disyorkan kepada kerajaan bagi pengubalan Kertas Putih Kesihatan.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berkata fasiliti yang holistik begitu sangat mustahak supaya penduduk di kawasan bandar yang padat, termasuk di pedalaman dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang disediakan.

Beliau berkata, tumpuan yang dicadangkan itu mengambil kira situasi semasa yang sedang dialami sistem kesihatan di negara ini, termasuk keperluan pada masa hadapan.

Syor lain dikemukakan adalah mahu kerajaan mengurangkan tumpuan terhadap aspek pembangunan fizikal seperti pembinaan klinik mahupun hos-

pital dalam skala besar.

#### Mekanisme bayaran

Sebaliknya, Dr Zainal Ariffin menyarankan agar kerajaan meningkatkan keupayaan sumber manusia pada pelbagai peringkat termasuk profesional.

"Selain itu, kerajaan di-

minta untuk mewujudkan sistem Pembiayaan Kesihatan Negara dengan mekanisme pembayaran oleh rakyat secara rasional dalam satu sistem perkhidmatan bersepadu awam mahupun swasta.

"Kerajaan juga disaran meningkatkan usaha dan bajet untuk pencegahan dan pemerikasaan komuniti, terutama dalam mencegah penyakit kronik dan penyakit tidak berjangkit (NCD).

"Syor seterusnya adalah

agar kerajaan mempertingkatkan mewujudkan pemberdayaan persekitaran seperti kemudahan riadah, makanan sihat yang murah, dasar kesihatan yang menyokong tingkah laku yang sihat seperti tidak merokok, menghisap vape, minum

arak dan lain-lain lagi," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, cadangan Kertas Putih Kesihatan dapat mengukuhkan sistem kesihatan negara secara menyeluruh, sejajar dengan keperluan kesihatan rakyat ketika ini dan masa depan.

Ismail Sabri dilaporkan berkata, Kertas Putih Kesihatan juga akan dapat memastikan sistem kesihatan negara bersedia mendepani cabaran pada masa depan.



Dr Zainal Ariffin Omar

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : NEGERI

## 20 kes denggi direkodkan sepanjang minggu lalu

**KUANTAN** - Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang merekodkan 20 kes denggi melibatkan enam daerah di Pahang sepanjang minggu lalu.

JKN Pahang memaklumkan, Kuantan mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak lapan kes, diikuti enam kes di Temerloh.

Katanya, daerah Bera pula mencatatkan tiga kes dan masing-masing satu kes di Pekan, Raub serta Bentong.

"Berdasarkan catatan kes denggi itu, sebanyak dua wabak aktif dilaporkan di Kuantan.

"Jumlah jangkitan ini direkodkan bagi tempoh 7 hingga 13 Ogos lalu," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Selasa.

JKN Pahang mendedahkan, jumlah kes denggi terkumpul di Pahang dalam tempoh lapan bulan ialah sebanyak 467 kes.

"Daripada jumlah itu, satu kes melibatkan kematian dilaporkan untuk tahun ini," ujarnya.

Menerusi kenyataan itu, pihak JKN Pahang menyeru kerjasama masyarakat untuk memastikan tiada pembiakan aedes di kawasan rumah dengan mengamalkan pemeriksaan sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu.

"Aktiviti memeriksa dan menghapuskan pembiakan aedes perlu dipertingkat terutama ketika cuaca yang tidak menentu ketika ini.

"Sekiranya demam, segera dapatkan rawatan di klinik kesihatan berhampiran. Tindakan ini dapat menyelamatkan nyawa anda," jelasnya.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEWS / NATION

## MULTI-SYSTEM INFLAMMATORY SYNDROME

## KIDS' LETHARGY MAY MASK A VIRUS

Be alert for symptoms that may indicate Covid-19 co-infection, vaccine specialist advises parents

HANA NAZ HARUN  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**P**ARENTS have been advised to be alert for any physical symptoms on their sick children and particularly to look out for any signs of Covid-19 co-infection.

Dr Ajit Pal Singh Raina said parents should look out for symptoms that could indicate the presence of other viruses.

"They may think it is just the flu (virus), but their children could actually be co-infected with Covid-19 and the flu, or other viruses.

"Listen to your child if they complain of lethargy or muscle aches," said the vaccine specialist from Pharmaniaga Bhd.

Dr Ajit was one of three panellists at a webinar titled "The Needs and Benefits of the Covid-19 Vaccine For Children and Booster Doses for Adults" yesterday.

The other panellists were Chile Health Ministry chief epidemiologist Dr Rafael Ignacio Araoz



Listen to your child if they complain of lethargy or muscle aches, vaccine specialist Dr Ajit Pal Singh Raina (inset) tells parents. PIC BY EFFENDY RASHID



Bralic and Sinovac China medical affairs director Dr Gao Yongjun.

He said the multi-system inflammatory syndrome (MIS-C) was a real threat among children, especially with the increase in Covid-19 infections caused by the Omicron strain.

It was reported that there was one MIS-C case per 3,200 infections in children, he said, and there was an increase in the number of daily bed usage for paediatric patients aged 0-11 years old in Health Ministry hospitals.

"Some symptoms of MIS-C include chest pain, fever, vomiting, dehydration and breathlessness.

"MIS-C infection is very difficult to manage and is a nightmare for paediatricians in hospitals."

Dr Ajit said the vaccination take-up rate for children was still low as many parents were not aware of complications from Covid-19 among children.

He added that there was a need to ramp up the Covid-19 National Immunisation Programme for Children (PICKids) and vaccinate

the remaining children.

Pharmaniaga, he added, was in the process of submitting new data from China to the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) to vaccinate children under the age of 5.

"Children are precious, yet only 50 per cent of them are vaccinated. We know the cases among those aged 5 to 11 are high, and there could also be co-infections.

"Our Intensive Care Units and hospitals are receiving paediatric patients. This can be prevented,

so parents should go and get their kids vaccinated against Covid-19," he added.

Dr Ajit also reminded the public that it was important to receive their booster shots for Covid-19.

He said there was still a substantial number of adults and elderly who had yet to receive even their first booster shot.

"The take-up rate for the second booster shot is very low, but we would need to focus on the first booster. We need to get the remaining population to take their booster shots first, before we can start pushing for the fourth jab to be administered," he added.

Meanwhile, Dr Rafael said Chile had rolled out the first booster dose four to five months after the second Covid-19 dose.

At that time, he said, there was low Covid-19 activity in the country.

"The Delta wave was very mild in the country compared with other places. We rolled out the fourth dose (second booster shot) about five to six months after the third, during the Omicron outbreak with high disease activity. We had more deaths due to Omicron than we expected.

"Based on my observation, we were a bit late in rolling out the fourth dose. My recommendation is to go for it four to six months after the last dose, when there is low disease activity," he added.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

# Good news for contract staff

## 4,053 health workers get permanent positions – the highest since 2016

By **JUNAID IBRAHIM**  
newsdesk@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Applications for permanent positions for 4,053 healthcare workers in the public service have been approved, says Khairy Jamaluddin.

The Health Minister said the number of approvals was the highest since the contract position model was introduced in 2016.

The approved applications consist of 3,215 medical officers, 438 dental officers, 400 pharmacists and the remaining 225 are reserved.

"This is the highest addition of positions in the healthcare sector since 2016 when the contract policy was introduced.

"The government is committed to ensuring at least 1,500 new permanent positions in public healthcare annually," he told reporters after the Health Policy Summit 2022 policy dialogue yesterday.

Khairy added that the ministry was in talks with the Public Service Commission to consider allowing candidates who did not get permanent positions to reapply the following year.

"We should give them another chance," he said.

Khairy also said they would

**"We will look at the possibilities after a discussion with the Malaysian Medical Association"**

Khairy Jamaluddin

ensure contract doctors received better incentives while allowing them to continue specialist or sub-specialist training if they failed to secure permanent positions.

"We will look at the possibilities after a discussion with the Malaysian Medical Association," he said.

Khairy spoke as a panel member at the two-day summit entitled "The Future of Our Healthcare" which discusses key areas for health and healthcare reform.

Also present were former health minister Tan Sri Dr S. Subramaniam, Sunway Centre for Planetary Health executive director Tan Sri Prof Dr Jemilah Mahmood and Axiata

Group chairman Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan, who joined on a virtual platform.

Three key areas discussed were public hospitals' financing, quality of service and governance.

Khairy said possible models to devolve service delivery by the ministry would be explored while also decentralising the power to hospitals.

"For now, there is an over-concentration of power. We are envisioning giving autonomy to public hospitals nationwide.

"However, the hospitals will still remain government-owned. We're mooting ideas of allowing the hospitals to have their own operational freedom such as deciding their own budgeting," he said.

He added that hospital directors would be having their own board of directors and act similarly to a company's chief executive officer.

Asked if the hospitals would decide their own fees, Khairy said the government would still control the matter.

On the social protection scheme or insurance, the minister said funds received from tax revenue would be utilised first before exploring other means of funding.

It includes requesting a higher

budgetary allocation from the Finance Ministry (MOF), he added.

Asked about the possibility of reallocating other ministries' budgets to his ministry, he said a decision needs to be made by the Cabinet on how revenue would be distributed.

Considering the healthcare burdens faced by the ministry post-Covid-19, Khairy said a request for a decent increase in allocation under Budget 2023 has been sent to the MOF.

"This year is important as we are adding the most number of hospitals which will increase the overhead costs. So, we expect a commensurate amount of funding," he said, adding that a discussion with Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz would be held at the end of the month.

On Monday, Khairy said public health expenditure should be increased to 5% of the gross domestic product to ensure Malaysia has a world-standard public health system in the future.

Watch the video  
**TheStarTV.com**

